

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NEGARA

Wanita cerita detik cemas zuriat baru lahir 'hilang' dibawa keluarga lain hampir 30 jam **Insiden tertukar bayi di wad nurseri**

Oleh **DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA**

MELAKA – Seorang wanita cemas apabila bayinya yang baru dilahirkan di sebuah hospital di sini pada 12 Februari lalu hilang semasa ditempatkan di wad nurseri selepas dibawa pulang oleh keluarga lain.

Kejadian disedari oleh wanita itu semasa mahu melawat bayi lelakinya yang diletakkan di wad berkenaan akibat jaundis pada 17 Februari lalu.

Wanita itu yang pergi ke hospital pada pukul 5.30 petang untuk menyusui sebelum mendapati bayi yang berada di atas katil bukan anaknya.

Kejadian yang pertama kali berlaku di hospital itu dikongsi wanita tersebut menerusi akaun Facebooknya sehingga menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan netizen.

"Saya beritahu jururawat bertugas, itu (bayi) bukan anak saya dan minta dia membuat semakan. Tertera nama saya pada katil, namun tog pada kaki bayi tersebut pula nama ibu lain.

"Saya memanggil suami me-

maklumkan bayi kami telah dibawa pulang oleh keluarga lain pada tengah hari sebelumnya (16 Februari)," katanya menerusi hantaran di Facebooknya.

Dakwa wanita itu, pihak hospital mengambil tindakan segera mengesan bayinya seberat 3.1 kilogram dan meminta keluarga berkenaan membawa semula bayi itu ke hospital pada pukul 8 malam haru yang sama.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah Melaka, Datuk Rahmad Mariman mengesahkan insiden itu dan tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas petugas yang didapati cuai sehingga berlakunya insiden tertukar bayi tersebut.

Rahmad berkata, perkara itu telah diselesaikan secara baik antara kedua-dua pihak dengan pihak hospital.

"Saya turut menyarankan agar tindakan tatatertib dikenakan terhadap petugas terlibat kerana ini merupakan kecuaiian yang sangat serius," katanya.

Beliau kesal dengan kejadian itu yang pertama kali berlaku di negeri ini.



SETIAP bayi yang dilahirkan dan hendak dibawa keluar akan melalui prosedur yang ketat oleh pihak hospital.
 – GAMBAR HIASAN